

# Penyakit Leptospirosis

## Cara Jangkitan

- Pendedahan secara langsung kepada air yang tercemar dengan kencing haiwan yang terjangkit
- Dijangkit jika mengambil makanan atau minuman yang tercemar dengan kencing haiwan yang terjangkit.
- Tempoh inkubasi adalah 5 hingga 14 hari




## Gejala Penyakit

- Mengalami demam yang tinggi dengan salah satu daripada yang berikut :-
  - (a) Sakit kepala
  - (b) Menggigil
  - (c) Sakit otot terutama bahagian betis
  - (d) Loya dan muntah
  - (e) Sakit di bahagian abdomen
  - (f) Cirit birit
  - (g) Radang mata
  - (h) Jaundis (kekuningan pada selaput mata dan kulit)
  - (i) Batuk
  - (j) Ruam pada kulit

## Langkah-Langkah Pencegahan



Jangan bermain di dalam air dan di lopak selepas banjir



Makanan perlulah bertutup supaya dapat dihindari dari tikus



Mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum menyediakan makanan, sebelum makan dan selepas ke tandas



Jika terdapat luka pada badan, perlulah dicuci dan dibalut dengan sempurna bagi mengelakkan jangkitan



Mencuci tangan, kaki serta bahagian anggota lain dengan sabun selepas bekerja di kawasan berisiko seperti di kebun, membersihkan sampah dan kawasan rumah selepas banjir.



Segera mendapatkan rawatan jika mempunyai gejala penyakit ini

